



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

11 OGOS 2021 (RABU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

11 OGOS 2021 (RABU)

29,105 pekerja industri di Lembah Klang dapat vaksin

Kuala Lumpur: Seramai 29,105 pekerja industri menerima vaksin menerusi Program Vaksinasi Industri Peruncitan (RiVAC) di Lembah Klang sejak 26 Julai lalu.

Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya bekerjasama dengan Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi Covid-19 (CITF) dalam melaksanakan program berkenaan.

“Program ini akan diperluaskan ke negeri lain seperti Pulau Pinang dan Johor tidak lama lagi berdasarkan pendaftaran yang diterima.

“KPDNHEP melalui pelbagai kenyataan dan program libat urus dengan pemain industri peruncitan serta pengedaran sebelum ini menekankan mereka perlu mempersiapkan diri.

“Ini bagi menyahut seruan kerajaan membuka perniagaan di semua sektor secara berperingkat dengan syarat semua pekerja lengkap divaksin dan premis dilengkapi dengan segala keperluan untuk melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) sepanjang masa,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Alexander berkata, kebenaran makan di restoran (*dine-in*) bagi mereka yang sudah menerima vaksin lengkap memberikan kelegaan dalam kalangan pengguna dan pengusaha kedai makan, restoran dan kafe di negeri Fasa 2 dan 3.

“Penguat kuasa KPDNHEP akan memastikan semua SOP dipatuhi sepenuhnya oleh pengunjung dan premis terbabit.



ALEXANDER

“Kemudahan dan fleksibiliti diberikan dalam pengumuman itu pastinya dapat merancakkan pelbagai ekonomi domestik ke arah pembukaan lebih banyak sektor ekonomi dan sosial secara berperingkat tidak lama lagi,” katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin atas pengumuman berhubung kemudahan bagi individu menerima vaksinasi lengkap yang bermula semalam.

“Ketika ini, 15.35 juta atau 65.6 peratus individu dewasa sudah menerima dos pertama dan 8.25 juta atau 35.3 peratus individu dewasa pula sudah lengkap menerima dua dos vaksin dengan kadar vaksinasi harian melepasi paras 500,000 dos.

“Melihat kepada angka itu, kami yakin negara berada di landasan yang betul untuk keluar dari pandemik ini dengan lebih teratur dan selamat,” katanya.

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Shah Alam

Masih ada peniaga dikesan menjual minyak masak sawit botol lima kilogram (kg) pada harga cekik darah melebihi RM30 sebotol walaupun kerajaan menetapkan harga maksimum RM29.70.

Kegiatan penjualan minyak masak sawit harga melampau itu dikesan melalui operasi pematuhan harga kawalan dilakukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, pihak melakukan penguat-

Masih ada mahu cekik darah

Segelintir peniaga tidak patuh harga minyak masak botol ditetapkan kerajaan

kuasaan pematuhan kawalan harga maksimum minyak masak sawit botol harga bagi produk diwartakan pada 28 Julai lalu melalui kelulusan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Sri Alexander Nanta Linggi.

Katanya, langkah itu dilakukan mengikut Akta Kawalan Harga Dan Anti Pencatutan 2011 (Perintah Kawalan Harga Dan Anti

Pencatutan (Penentuan Harga Maksimum)(No. 6) 2021 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2021.

"Susulan itu, pejabat KPDNHEP Selangor menggerakkan 200 pegawai penguat kuasa serta 77 pegawai pemantau harga ke sembilan daerah di Selangor dalam memastikan pematuhan harga kawalan ini dapat dipatuhi peniaga dilesenkan.

"Ia juga bagi memastikan

bekalan minyak masak sentiasa mencukupi serta tiada berlaku pembelian panik dalam kalangan pengguna berikutan pengumuman kerajaan pelaksanaan harga maksimum ini," katanya.

Menurutnya, dalam tempoh itu, 440 premis meliputi sektor pengedaran, pemborong dan peruncitan diperiksa dan hasilnya mendapati rata-rata peniaga yang dilesenkan mematuhi pe-



nandaan harga maksimum minyak masak sawit tulen di premis masing-masing.

“Namun masih ada sege-
linitir peniaga meletakkan
harga melebihi nilai dite-
tapkan kerajaan. Antara ala-
san dikemukakan adalah ti-
dak peka berkaitan harga
kawalan ditetapkan.”

“Pejabat KPDNHEP Se-
langor turut mengeluarkan
21 amaran bertulis sepan-
jang pemeriksaan.”

“Kami terima tiga aduan
berkaitan harga minyak ma-
sak botol dan aduan ber-
kenaan diselesaikan dalam
tempoh 24 jam dari tarikh
aduan diterima,” katanya.

Menurutnya, KPDNHEP
menetapkan harga maxi-
mum bagi minyak masak
sawit tulen di peringkat
runcit adalah mengikut
pembungkusan iaitu Botol 1
kg dijual pada harga RM6.70,
Botol 2 kg (RM12.70), Botol 3
kg (RM18.70) dan Botol 5 kg
(RM29.70).



PEGAWAI KPDNHEP melakukan pemeriksaan terhadap premis yang menjual minyak masak bagi memastikan harga maksimum dipatuhi.

Cubaan seludup 17,000kg minyak masak gagal

Kota Bharu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) Kelantan menggagalkan cubaan menyeludup keluar 17,000 kilogram (kg) minyak masak paket bersubsidi ke negara jiran selepas menahan sebuah lori di sebuah stor di Kampung Belukar, Pasir Mas, dekat sini, kelmarin.

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) KPDNHEP Putrajaya, Shamsul Nizam Khalil, berkata rampasan dilakukan pihaknya bersama Pasukan Marin Wilayah 3 Pengkalan Kubor dan Batalion 8 Pasukan Gerakan Am menerusi serbuan yang dilakukan pada jam 12.30 tengah hari.

Beliau berkata, operasi itu dilaksanakan hasil daripada maklumat risikan daripada Seksyen Perisikan KPDNHEP Putrajaya ke atas sebuah premis pemborong dan pembung-

kus minyak masak di Melaka.

"Pasukan mengenal pasti sebuah lori yang mencurigakan dan disyaki digunakan oleh sindiket untuk mengangkut minyak masak bagi tujuan menjalankan aktiviti penyelewengan minyak masak bersubsidi. Hasil maklumat mendapati lori berkenaan digunakan untuk mengangkut minyak masak ke Kelantan.

"Pemeriksaan oleh pasukan serbuan menemukan 17,000kg minyak masak paket bersubsidi satu kilogram berada di dalam lori dan sejumlahnya sudah dipindahkan ke dalam stor itu. Hasil siasatan awal, stor terbabit disyaki digunakan sebagai tempat penyimpanan dan transit sebelum pihak sindiket menjalankan aktiviti penyeludupan ke negara jiran," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

BERNAMA

Cuba seludup 17,000kg minyak masak

Sindiket selewang minyak masak bersubsidi di Melaka untuk diseludup ke Thailand

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIF
MOHD ZOKI

PUTRAJAYA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menumpaskan kegiatan penyelewengan minyak masak bersubsidi dalam serbuan di sebuah stor penyimpanan di Pasir Mas, Kelantan pada Ahad.

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa (Operasi) Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Shamsul Nizam Khalil berkata, operasi dijalankan sepasukan pegawai penguat kuasa KPDNHEP Kelantan bersama Pasukan Marin Wilayah 3 Pengkalan Kubor dan Pasukan Gerak Am Polis Diraja Malaysia (PDRM) Batalion 8.

“Operasi ini dilaksanakan hasil maklumat risikan daripada Seksyen Perisikan KPDNHEP Putrajaya ke atas sebuah premis pemborong dan pembungkus minyak masak di Melaka.

“Risikan dijalankan mengenal pasti sebuah lori yang mencurigakan dan disyaki digunakan sindiket untuk mengangkut minyak masak bagi tuju-



KPDNHEP merampas 17,000 kilogram minyak masak bersubsidi dalam serbuan di Pasir Mas.

an menjalankan aktiviti penyelewengan minyak masak ke Kelantan,” katanya menerusi kenyataan pada Selasa.

Jelas beliau, hasil siasatan mendapati, stor tersebut digunakan sebagai tempat penyimpanan dan transit sebelum pihak sindiket menjalankan aktiviti penyeludupan ke negara jiran.

“Pemeriksaan oleh pasukan serbuan telah menemui 17,000 kilogram minyak masak peketer subsidi satu kilogram berada di dalam lori dan sebahagiannya telah dipindahkan ke dalam stor tersebut.

“Turut disita ialah sebuah lori yang digunakan untuk mengangkut minyak masak dari Melaka ke Kelantan dan beberapa dokumen berkaitan penjualan minyak masak disita untuk siasatan lanjut,” katanya.

Menurut beliau, modus operandi sindiket itu adalah mendapatkan bekalan minyak masak bersubsidi daripada

syarikat pembekal di Melaka dan sekitar Lembah Klang dengan menggunakan lesen syarikat lain.

“Berdasarkan dokumen yang dijumpai, minyak masak ini sepatutnya dihantar ke salah sebuah pemborong di Melaka.

“Namun siasatan dijalankan mendapati ia telah diseleweng dan dibawa masuk ke Kelantan dan dipercayai untuk tujuan penyeludupan ke negara jiran,” tambahnya.

Beliau memberitahu, dalam serbuan itu dua individu telah ditahan bagi membantu siasatan.

“Dua individu ditahan adalah pemandu dan kelindan lori, mereka ditahan untuk siasatan lanjut.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 20(1) dan Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan 9(2) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, Akta Kawalan Bekalan 1961,” katanya.

17,000 kg minyak masak paket cuba diseleweng ke Thailand

PUTRAJAYA - Dua lelaki termasuk seorang pemandu lori yang disyaki ahli sindiket penyeludupan minyak masak bersudi ke Thailand ditahan dalam

satu serbuan di sebuah stor penyimpanan di Pasir Mas, Kelantan, baru-baru ini.

Timbalan Pengarah Penguat Kuasa Operasi, Bahagian Pe-

nguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Shamsul Nizam Khalil berkata, satu serbuan telah dibuat su-

sulan risikan daripada Seksyen Perisikan KPDNHEP Putrajaya ke atas sebuah premis pemborong dan pembungkus minyak masak di Melaka.

"Pemeriksaan menemui 17,000 kilogram (kg) minyak masak paket bersubsidi 1 kg berada di dalam lori dan sejumlahnya telah dipindahkan ke dalam stor yang digunakan sebagai tempat

penyimpanan dan transit sebuah sindiket itu menyeludup ke negara jiran.

Siasatan mengikut Seksyen 20 (1), Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan 9 (2), Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974, Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana pemborong menjual barang kawalan kepada orang atau pihak yang tidak mempunyai lesen.

Ministry seizes 17,000kg of subsidised cooking oil

KOTA BARU: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry seized 17,000kg of subsidised packets of cooking oil before they could be smuggled out of Kelantan to a neighbouring country. The ministry's Putrajaya deputy director of enforcement (operations) Shamsul Nizam Khalil said two men, a lorry driver and his attendant, were also arrested to aid in investigations when enforcement officers seized the cooking oil during a raid on a store in Kampung Belukar, Pasir Mas, near here, at 12.30pm on Monday. The raid was jointly conducted with the Pengkalan Kubor Region 3 marine police and Battalion 8 of the General Operations Force. The operation was conducted based on intelligence and surveillance carried out by the ministry's intelligence section in Putrajaya.

Bid to smuggle 17,000kg cooking oil foiled

KOTA BARU: A total of 17,000kg of subsidised cooking oil was seized before it could be smuggled out of Kelantan across the border.

Two men were also arrested when enforcement officers seized the packets of cooking oil during a raid on a store in Kampung Belukar, Pasir Mas, near here, at 12.30pm on Monday, said Putrajaya Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDNHEP) deputy director of enforcement (operations) Shamsul Nizam Khali.

The raid was jointly conducted with the Pengkalan Kubor Region 3 marine police and Battalion 8 of the General Operations Force.

The operation was conducted based on intelligence and surveillance carried out by the ministry's intelligence section in Putrajaya on a cooking oil wholesaler in Melaka, he said in a statement.

Shamsul Nizam said the modus operandi of the syndicate was to obtain the supply of subsidised cooking oil from companies in Melaka and the Klang Valley by using licences belonging to other firms.

"Based on the documents found, the cooking oil was meant for a wholesaler in Melaka," he said.

Two men, the lorry driver and his attendant, were also arrested.

Further investigations will be carried out to identify the owner of the premises and the chief suspect in the case, Shamsul Nizam added.

— Bernama

Bid to smuggle 17,000kg of cooking oil foiled

KOTA BARU: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry seized 17,000kg of subsidised cooking oil packets before they were smuggled out of Kelantan to a neighbouring country.

Putrajaya deputy director of enforcement (operations) Shamsul Nizam Khalil said two men, a lorry driver and his attendant, were also arrested during a raid on a store in Kampung Belukar, Pasir Mas, near here, at 12.30pm on Monday.

The raid was jointly carried out with the Pengkalan Kubor Region 3 marine police

and Battalion 8 of the General Operations Force.

The operation was conducted based on intelligence and surveillance carried out by the ministry's intelligence section in Putrajaya on a cooking oil wholesaler in Malacca, he said in a statement yesterday.

"We believe a syndicate used a lorry to ferry the cooking oil to Kelantan for the purpose of improper activities involving the subsidised cooking oil," he added.

"A total of 17,000kg of 1kg packet cooking oil were found in the lorry and

some were transferred to a store.

"The store is believed to be used as a storage and transition centre before smuggling out the cooking oil to a neighbouring country," he said.

Shamsul Nizam said the syndicate's modus operandi was to obtain the supply of the subsidised oil from companies in Malacca and the Klang Valley by using licences belonging to other firms.

"Based on documents found, the cooking oil was meant for a wholesaler in Malacca but it was rerouted to Kelantan,"— Bernama

		Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM6.49	• Telur Gred A	RM12
• Daging Lembu Tempatan	RM35	• Ikan Kembung	RM15.90
• Daging Lembu Import	RM25.83	• Minyak Masak	RM6.50
• Gula Pasir	RM2.85	• Bawang Putih	RM5.80
• Bawang Besar Holland	RM2.80	• Tepung Gandum	RM2.25
• Cili Merah	RM7.99	• Kubis Bulat Tempatan	RM2.99
*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP			

Kartel tetapkan surcaj khidmat kargo

Pelanggan boleh saman syarikat

Kuala Lumpur: Pelanggan yang menjadi mangsa pembayaran surcaj berlebihan angkara kartel memonopoli harga perkhidmatan pengendalian kargo import dan eksport di Pelabuhan Klang, boleh mengambil tindakan saman kepada syarikat terbabit.

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Iskandar Ismail, berkata tindakan itu boleh dilakukan secara persendirian mengikut Seksyen 64, Akta Persaingan 2010.

Beliau berkata, walaupun pe-

langgan menjadi mangsa kartel tidak boleh mendapatkan semula lebihan bayaran dibuat sebelum ini, namun mereka boleh menyaman syarikat kartel bagi mendapatkan keadilan undang-undang.

"Pelanggan yang menjadi mangsa kartel di Pelabuhan Klang dengan membuat bayaran surcaj tinggi sebelum ini boleh menyaman syarikat terbabit kerana tindakan mereka nyata menyalahi undang-undang.

"Ini berdasarkan Seksyen 64 Akta Persaingan 2010 iaitu mana-mana orang yang mengalami

kehilangan atau kerugian secara langsung akibat suatu pelanggaran mana-mana larangan di Bahagian II mempunyai hak tindakan bagi relief dalam prosiding sivil di mahkamah mengikut seksyen ini.

"Tindakan boleh dibawa mangsa mengikut Subseksyen (1) tanpa mengira sama ada orang itu berurusan secara langsung atau tidak dengan pihak melakukan kesalahan itu," katanya kepada *BH* di sini, semalam.

BH kelmarin melaporkan, tujuh syarikat pengendali gudang

yang membuat perjanjian kartel penetapan harga melalui dokumen memorandum dikenakan penalti keseluruhan berjumlah RM1.04 juta atas kesalahan menetapkan harga perkhidmatan pengendalian muatan panjang dan muatan berat kargo import serta eksport di Pelabuhan Klang.

Pengusaha gudang yang didapati bersalah membabitkan SAL Agencies Sdn Bhd; WCS Warehousing Sdn Bhd; Regional Synergy (M) Sdn Bhd; Intrexim Sdn Bhd; Pioneerpac Sdn Bhd;

7 syarikat bentuk kartel kena penalti RM1.04

Keratan akhbar BH semalam.

Prima Warehousing Sdn Bhd dan Intercocean Warehousing Services Sdn Bhd, yang masing-masing dikenakan penalti antara RM26,363.03 hingga RM386,369.13

Iskandar berkata, keputusan hasil siasatan berlaku pelanggan ran akta membabitkan kartel berkenaan diperoleh pada 26 Julai lalu dan semua syarikat terbabit dimaklumkan mengenainya pada Jumaat lalu.